

26/01/2002

`Pembangking sifar' di Selangor

Saring Sirad

SHAH ALAM, Jumaat - Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo yang semalam dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, berhasrat menjadikan negeri itu "pembangking sifar."

Beliau yang mengambil alih jawatan itu daripada bekas Menteri Besar Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata beliau akan menyusun strategi yang akan memastikan pembangking tidak akan mempunyai peluang memenangi kerusi di Selangor pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita akan bekerja kuat dan menyusun barisan bagi memastikan tiada ruang bagi pembangking memenangi sebarang kerusi di Selangor dengan memperkuatkan jentera pilihan raya sebagaimana yang dibuktikan di pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata, jentera pilihan raya Umno Selangor mendapat kredit bukan saja daripada pemimpin tertentu tetapi semua negeri yang turut menghantar jentera pilihan raya kecil masing-masing sehingga diakui menjadi kumpulan jentera pilihan raya kecil yang terbaik pada pilihan raya kecil berkenaan.

"Bagi saya tiada bezanya menjadi Timbalan Pengerusi atau Pengerusi kerana saya bukan saja mempunyai hubungan baik tetapi bekerja baik dengan Muhammad sama-sama membangunkan Umno di Selangor," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran Tahun Pembangunan Pertanian 2002 dan Seminar Pembangunan Teknologi Berasaskan Pertanian di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pelantikannya selaku pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berikutan peletakan jawatan Muhammad.

Muhammad yang juga Naib Presiden Umno meletakkan jawatan itu kerana berpendapat Dr Khir sudah layak menggantikannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor yang baru.

Dr Khir, berkata beliau berterima kasih kepada Muhammad yang memberi kepercayaan kepadanya memimpin Umno di Selangor.

Dengan jawatan itu, katanya beliau akan mengukuhkan lagi Umno di Selangor di samping bekerja kuat bagi memastikan pembangking sifar dalam pilihan raya umum akan datang.

"Bagi saya tiada bezanya menjadi Timbalan Pengerusi atau Pengerusi kerana saya bukan saja mempunyai hubungan baik tetapi bekerja baik dengan Muhammad sama-sama membangunkan Umno di Selangor," katanya.

(END)